

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1997/1998

September 1997

AAW314 - PENGAUDITAN 1

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A - WAJIB**

1. (a) Juruaudit menjalankan beberapa tatacara ujian untuk menentukan bahawa maklumat di penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Sehubungan dengan ini, anda dikehendaki membincangkan perbezaan dua tatacara ujian di bawah ini.
- (i) Juruaudit memulakan ujiannya dengan memeriksa cek yang dibatalkan dan kemudian meneliti dokumen penyokongan dan
  - (ii) Juruaudit memeriksa laporan penerimaan dan kemudian meneliti sama ada catatan selanjutnya telah dicatatkan di dalam penyata kewangan.

Nyatakan pernyataan pengurusan yang telah diuji oleh kedua-dua tatacara ujian tersebut dan jelaskan mengapa tatacara ujian itu adalah berlainan.

- (b) Encik Ibrahim Wahid adalah seorang juruaudit di firma Malik dan Ridwan. Bagi dua minggu pertama, beliau telah ditugaskan mengaudit Syarikat Peranginan. Di dalam tempoh ini, beliau akan menjalankan beberapa ujian pengauditan yang telah direka bentuk oleh Encik Mohamed Salleh, juruaudit "senior" yang akan mengawasi kerja pengauditannya. Objektif ujian yang akan dilakukannya adalah untuk memastikan sama ada tatacara kawalan dalaman dipatuhi. Dapatan ujian ini akan dapat menolongnya menentukan jenis, pemasaan dan sejauhmana ("nature, timing and extent") ujian substantif yang akan dijalankan.